

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA DEPAN

KKM keluar garis panduan buli Oktober

Garis Panduan Pengurusan Buli di hospital dan klinik kerajaan yang akan dilancarkan sempena Bulan Kesihatan Mental Sedunia, bertujuan mewujudkan persekitaran kerja selamat dan harmoni, bebas ancaman gejala negatif itu.

Oleh Mahani Ishak → Nasional 4



- KKM akui penghijrahan doktor, jururawat tempatan ke luar negara sangat ketara dan serius.

- Kekosongan 14,000 jawatan jururawat di fasiliti KKM sedang diisi menerusi pelbagai strategi.

- Sistem e-Placement ditambah baik dengan garis masa jelas dan peluang rayuan saksama.

Dr. Seri
Dr. Dzulkefly
Ahmad,
Menteri
Kesihatan



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

KKM akan lancar panduan pengurusan buli di klinik, hospital kerajaan

Langkah bagi kukuh ekosistem sokongan sedia ada, termasuk sistem MyHelp

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) akan melancarkan Garis Panduan Pengurusan Buli di klinik dan hospital kerajaan dalam usaha mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan harmoni, bebas ancaman gejala negatif itu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, memaklumkan garis panduan itu sudah siap sepenuhnya akan dilancarkan secara rasmi sempena Bulan Kesihatan Mental Sedunia pada Oktober ini, sebelum didedarkan kepada semua fasiliti kesihatan bawah KKM.

"Langkah ini bertujuan memperkukuh ekosistem sokongan sedia ada, termasuk sistem MyHelp serta mencerminkan komitmen KKM terhadap kesejahteraan psikososial warga kerja," katanya dalam kenyataan media semalam.

Garis panduan itu dijangka menjelaskan prosedur pelaporan sebarang kes buli yang berlaku, selain langkah pencegahan dan intervensi terhadap individu dan organisasi.

Sebelum ini, pada 1 Oktober 2022, KKM melancarkan sistem MyHelp sebagai sistem aduan buli secara dalam talian bagi memudahkan sebarang kejadian buli yang berlaku di premis kesihatan diadu dan ditangani secara telus.

Ini kerana aduan melalui MyHelp membolehkan mangsa menyalurkan aduan mengenai insiden buli terus kepada Unit

Integriti Ibu Pejabat KKM tanpa perlu melalui penyelia atau ketua jabatan.

Daripada 355 aduan diterima menerusi MyHelp sehingga September tahun lalu, sebanyak empat aduan buli membabitkan kakitangan perubatan dan dikenal pasti berasas dan diambil tindakan oleh KKM.

KKM ambil maklum

Sebelum ini, BH pernah melaporkan beberapa doktor menjadi mangsa buli di sebuah hospital awam di Sabah, tampil berkongsi pengalaman masing-masing di buli secara verbal dan fizikal, apabila dihambur kata-kata keasat, lucah serta penghinaan kaum, selain pernah diancam senjata tajam jika tidak mematuhi arahan ketua unit.

Selain isu buli, Dr Zulkefly memberi jaminan serta komitmen berterusan KKM untuk menyelesaikan isu kesihatan awam termasuk masalah kekurangan jururawat, kebajikan petugas kesihatan serta penambahbaikan sistem penempatan pegawai perubatan.

Beliau berkata, pandangan dan kebimbangan yang dikemukakan melalui *Minda Pengarang BH* pada 7 Julai lalu diambil perhatian dan maklum oleh pihaknya. "Sebagai Menteri Kesihatan yang kembali memegang amanah, saya terbuka menerima pandangan daripada mana-mana pihak dan sentiasa bersedia untuk memberi penjelasan ke atas apa jua isu yang dibangkitkan.

"Di antara *Shape up or ship out*, saya memilih untuk *shape up*, bukan dengan slogan, tetapi dengan kerja. Ia kerana saya percaya, membetulkan sistem lebih penting daripada membina persepsi dalam mengemudi KKM.

"Saya tidak menjanjikan segala-galanya akan selesai segera, tetapi saya berjanji, kami mendengar, kami bertindak dan kami tidak akan berdiam," katanya.

Mengulas mengenai isu kekurangan jururawat, Dr Zulkefly

memaklumkan, setakat Jun lalu, ada 120,667 jururawat termasuk jururawat masyarakat di seluruh negara, meliputi sektor awam dan swasta, manakala kekosongan jawatan jururawat di fasiliti awam dianggarkan 14,000 tempat.

"Bagi menangani perkara ini, KKM melaksanakan pelbagai langkah termasuk pengambilan graduan kejururawatan institusi pengajian tinggi awan (IPTA) dan swasta (IPTS) secara berfasa melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

"KKM juga menggandakan kapasiti pelatih Institut Latihan KKM (ILKKM) daripada 1,500 kepada 3,000 orang setahun serta menambah kuota Program Peningkatan Secara Lantikan (PSL) daripada 800 kepada 1,000 setahun.

"Selain itu, moratorium ke atas program kejururawatan swasta telah ditamatkan dengan 12 institusi baharu memohon menawarkan program diploma," katanya.

ETAP belum boleh dilaksanakan

Bagi isu pemberian Elaun Tugas Atas Panggilan (ETAP), Dr Dzulkefly berkata, kajian mendapati elaun itu tidak dapat dilaksanakan ketika ini susulan kekurangan jumlah petugas perubatan di kebanyakan fasiliti kesihatan yang tidak membolehkan pelaksanaan Waktu Bekerja Berlainan (WBB).

"Namun, saya mengarahkan Ketua Pengarah Kesihatan untuk terus memperjuangkan dan mencari penyelesaian terbaik demi merealisasikan pemberian elaun itu kepada petugas kesihatan yang layak," katanya.

Dr Dzulkefly turut mengulas isu penempatan Doktor Gred UD10 atau (e-Placement) yang mengalami pembatalan pada Februari lalu kerana masalah teknikal, yang disifatkannya satu keputusan berani dan telus demi menjamin keadilan kepada calon-calon terabit.



"Kini, sistem e-Placement ditambah baik dengan garis masa jelas dan peluang rayuan saksama.

"Seramai 2,248 pegawai perubatan yang menerima tawaran pelantikan tetap telah berjaya membuat semakan penempatan masing-masing melalui sistem itu pada 8 Julai lalu tanpa sebarang masalah teknikal.

"Tempoh rayuan dibuka dari 8 hingga 14 Julai bagi calon yang tidak berjaya atau ingin memohon pertukaran dan keputusan rayuan akan diumumkan pada 19 Ogos," katanya.

Berhubung sistem yang tidak mampu memuaskan hati setiap pemohon, katanya KKM telah berusaha sedaya upaya melakukan penambahbaikan dalam mewujudkan sistem lebih telus dan adil.

Dr Dzulkefly menjelaskan, beliau menerima kritikan sebagai satu cabaran, bukan satu serangan kerana baginya jawatan (Menteri Kesihatan) bukan keistimewaan, tetapi amanah rakyat yang berat.

"Dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, KKM berjaya menyelesaikan pindaan Akta Perubatan 1971 (Akta 50) dan Pe-

rubatan-peraturan Perubatan 2025, menyelesaikan isu pendaftaran pakar *Parallel Pathway* dan lain-lain," katanya.

Selain itu, KKM berjaya melaksanakan penandaan dan pemaparan harga ubat di kemudahan jagaan kesihatan swasta dan farmasi komuniti melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723).

Katanya, KKM juga berhasil mewujudkan Sistem Pertukaran Suka-Sama-Suka untuk pegawai lantikan KKM memohon pertukaran secara persetujuan bersama, meluluskan peruntukan tambahan untuk hospital, klinik baharu dan klinik daif dan memperkukuh perjawatan tetap doktor, jururawat dan pegawai kesihatan.

"KKM turut merintis reformasi pembiayaan kesihatan melalui pengenalan usaha sama RESET bersama Kementerian Kewangan (MoF) dan Bank Negara Malaysia (BNM) yang merangkumi Medical Health Insurance & Takaful (MHIT), Diagnosis-Related Group (DRG) dan kaedah berteraskan *Full Paying Patient (FPP)*," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penghijrahan doktor, jururawat ke luar negara serius

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) mengakui, penghijrahan ke luar negara mem-babitkan doktor dan jururawat tempatan kini sangat ketara dan serius.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata se-jak 1978 lagi penghijrahan go-longan profesional perubatan su-dah berlaku, malah ada jurura-wat negara ini yang belum semp-at berkhidmat, sudah mening-galkan negara.

“Tetapi kali ini sangat ketara dan serius, jadi kerajaan akan pas-tikan pelbagai langkah diambil untuk membendung perkara ini dengan menawarkan pelbagai in-sentif supaya terus kekal berkhid-mat (dalam negara),” katanya.

Beliau berkata demikian sele-pas menyertai program Go-tong-Royong Mega Perangi Aedes 1.0 Peringkat Kebangsaan sem-pena Hari Denggi ASEAN 2025 semalam. Yang turut hadir Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Da-

tuk Seri Dr Wan Azizah Wan Is-mail.

Terdahulu, dalam satu laporan media, Kementerian Kesihatan (MOH) Singapura dilaporkan akan mengadakan temu duga ter-buka di Kuala Lumpur untuk pe-ngambilan doktor dan pengamal perubatan am dari Malaysia yang mahu berkhidmat di negara jiran itu.

Menerusi perkongsian di me-dia sosial, netizen mendedah-kan, gaji ditawarkan kepada ca-

lon terpilih berkhidmat di Singa-pura itu mencecah RM385,000 se-tahun atau SG\$110,000 tidak ter-masuk elaun, insurans dan fae-dah lain.

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly berkata, KKM tiada kuasa perun-dangan untuk menghalang pe-ngamal perubatan bekerja di luar negara termasuk Singapura, me-mandangkan pengambilan itu di-benarkan antara negara ASE-AN.

Dalam perkembangan berasi-

ngan, Dr Dzulkefly berkata, KKM komited menamatkan sistem pe-lantikan doktor secara kontrak yang dilaksanakan sejak 2016, dan kini sudah sampai ke peng-hujungnyanya.

Katanya, pelantikan doktor kontrak pada asalnya hanya ber-sifat interim kerana ia diwujud-kan sebelum ini bagi menangani lonjakan graduan perubatan yang menamatkan pengajian dan kekurangan jawatan tetap dalam tempoh sedekad lalu.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATION

TWO-WEEK DEADLINE

BANGI HOSPITAL MUST TRANSFER PATIENTS, SAYS DZULKEFLY

Health Ministry
'will not intervene
in asset seizure'

KALBANA PERIMBANAYAGAM
KUALA LUMPUR
kalbana@nst.com.my

THE private hospital in Bangi that is facing an asset seizure has been advised to transfer patients to other healthcare facilities within two weeks.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said his ministry would not intervene following a court judgment in a medical negligence case involving an RM8.32 million payout.

"The hospital must begin transferring all patients, together with their medical records, to other suitable healthcare facilities within the 14-day period

provided under the enforcement process.

"This may include other private hospitals with existing arrangements, or to government hospitals where necessary. What matters most is that patient care is not disrupted."

He said this after an anti-dengue gotong-royong programme in Bandar Tun Razak.

The hospital, Hospital Islam Az-Zahrah in Bangi, is owned by Medi-Circle Sdn Bhd.

The seizure stems from a civil suit filed by the family of a premature baby girl, who was born at 26 weeks gestation on Feb 26, 2003. The child was later diagnosed with spastic quadriplegic cerebral palsy.

In its ruling on Sept 10, 2020, the High Court found the hospital liable for negligent obstetric care and awarded the family RM8.12 million in damages.

The Court of Appeal, in a decision on Feb 4, 2022, upheld the



Hospital Islam Az-Zahrah in Bangi is owned by Medi-Circle Sdn Bhd. NSTP PIC BY AIZUDDIN SAAD

ruling against the hospital, but allowed the appeal of two doctors named in the suit.

The award was subsequently reduced to RM6.03 million.

The hospital later appealed to the Federal Court, which dismissed the case on Feb 24, 2023.

Up to May this year, the hospital had failed to make full payment, with interest bringing the total amount owed to RM8.32 million.

A writ of seizure and sale was issued by the Kuala Lumpur High Court on May 26 after the hospital failed to comply with the judgment.

It was previously reported that the hospital has until July 23 to settle suit or the court will execute the writ of seizure and sale of assets.

Dzulkefly said while the enforcement was not carried out by

the Health Ministry, the incident serves as a serious reminder to private healthcare providers governed under the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998 (Act 586).

"Let me be clear, this enforcement action was a result of a civil suit and court process. It did not involve the ministry.

"That said, I want to remind all private hospitals that compliance with Act 586 is mandatory."

Dzulkefly added that the ministry would not intervene in matters of corporate liability or insolvency.

He said while the act does not provide compensation mechanisms for patients or employees in the event of insolvency, healthcare providers are expected to take all reasonable steps to protect the wellbeing of patients.

He also said hospitals were ex-

pected to have professional liability insurance in place.

"We assume such coverage exists, but it can be verified. Every facility must be accountable, and every practitioner must have indemnity."

Checks at the hospital found operations continuing as usual, with no signs of panic or patients rushing to leave the premises in search of alternative treatment facilities.

A member of the staff approached by the *New Straits Times* declined to comment on the situation.

The hospital's legal team was also contacted, but would only say a formal statement would be issued soon.

Page 1 pic: The entrance to Hospital Islam Az-Zahrah in Bangi, Selangor, yesterday.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

BRAIN DRAIN

'Govt committed to ending contract doctor system'

KUALA LUMPUR: The Health Ministry has given its assurances that the government remains committed to resolving the long-standing issue of contract doctor appointments, with efforts underway to expedite their absorption into permanent positions.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the contract hiring system, introduced in 2016, was a temporary measure to address a backlog of medical graduates.

He said the ministry, in collaboration with the Public Service Department, would accelerate the process of appointing eligible contract doctors into permanent roles once vacancies are identified.

He said this in response to renewed calls by the Malaysian Med-

ical Association, which urges the government to abolish the contract system altogether, citing its negative impact on morale and long-term career progression within the public healthcare sector.

The issue has gained urgency due to increasing concerns about Malaysian healthcare workers moving abroad, especially to Singapore, drawn by better salaries, clearer career paths and improved working conditions.

"We must act decisively to strengthen our healthcare workforce and ensure they remain motivated and valued within our system," Dr Dzulkefly said, in reference to the broader challenge of brain drain.

The ministry has also clarified that there are no legal restrictions

preventing Malaysian medical professionals from seeking employment overseas.

Dr Dzulkefly said cross-border employment within Asean is permitted under the Mutual Recognition Arrangement and the Asean Framework Agreement on Services, to which Malaysia is a signatory.

"The government does not have the legal authority to prohibit medical practitioners, including nurses, from working abroad."

In the past, the contract doctor issue had sparked protests, with junior doctors voicing frustration over job insecurity, a lack of benefits and limited access to specialist training opportunities under the current Contract of Service system.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

BOOST TO MORALE

NURSES UNION LAUDS SHIFT WORK EXEMPTION

Five critical service schemes under Health Ministry maintain 42-hour workweek

PUTRAJAYA

HEALTH Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad has praised the government's decision to exempt five critical service schemes under the Health Ministry from a weekly 45-hour shift, allowing them to maintain the current 42-hour workweek.

On behalf of the ministry's workforce, he expressed his appreciation to Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim for the exemption.

He said the decision was clear evidence of the Madani government's commitment to understanding and valuing the sacrifices of healthcare workers, physically, mentally and emotionally.

"The ministry welcomes the decision to maintain the current 42-hour workweek for its five critical service schemes.

"It is a recognition of the dedication and spirit of healthcare workers who assist patients fighting for their lives every day and at all hours."

Dzulkefly said the outcome was

the result of comprehensive collaboration among various parties, particularly the Public Service Department (PSD), relevant unions and associations, as well as the ministry's Nursing Division and Human Resources Division.

"This signifies the spirit of teamwork and the whole-of-nation approach in delivering the best solutions for the people.

"The ministry will continue striving to bring about more positive changes.

"...May there be more good news ahead for the ministry in line with the planned health reform strategies," he added.

On Friday, the government agreed to exempt five critical service schemes under the ministry from the implementation of the 45-hour shift workweek, involving 82,637 healthcare personnel, social nurses, medical officers in the emergency department, assistant medical officers and healthcare assistants.

The PSD said the decision was made after taking into account the concerns raised by healthcare workers regarding the implementation under the Public Service Remuneration System.

Meanwhile, the Malayan Nurses Union (MNU) lauded the gov-

ernment's decision to maintain a 42-hour workweek for shift-based healthcare workers.

It said the move was expected to boost nurses' morale and motivation to continue delivering the best service to the public.

MNU president Saaidah Athman called the move a reflection of the government's concern for the welfare of healthcare civil servants.

"On behalf of all MNU members, I extend our heartfelt thanks to the prime minister, chief secretary to the government, PSD director-general and health minister for this decision."

Saaidah said the union had raised concerns over the proposed increase in hours in November last year through multiple consultation sessions with the Health Ministry, including a meeting with Dzulkefly.

"We conveyed all the views and hopes of our members to ensure the best possible outcome."

Looking ahead, she urged the government to review the salary and allowance structure for healthcare workers and consider creating more critical posts to strengthen the national healthcare system. **Bernama**



Saaidah Athman



Participants at the state-level Nurses Day celebration in Johor Baru on Thursday. The Malayan Nurses Union has welcomed the government's decision to maintain a 42-hour workweek for shift-based healthcare workers. NSTP PIC BY NAJMI NORAZAM

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

Pengambilan pelatih jururawat 3,000 setahun

Oleh MAISARAH
SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kapasiti pengambilan pelatih di Institut Latihan Kementerian Kesihatan (ILKKM) digandakan daripada 1,500 kepada 3,000 orang setahun, manakala kuota Program Peningkatan Secara Lantikan (PSL) dinaikkan daripada 800 kepada 1,000 orang setahun.

Ia antara enam langkah digariskan KKM bagi memenuhi kekosongan 14,000 jururawat di fasiliti awam seluruh negara.

Setakat Jun lalu, jumlah jururawat termasuk Jururawat Masyarakat di seluruh negara adalah seramai 120,667 orang, merangkumi sektor awam dan swasta.

Menurut Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, usaha itu dilaksana secara menyeluruh melibatkan pengambilan graduan kejururawatan secara berfasa melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Katanya, moratorium ke atas program kejururawatan swasta turut ditamatkan dan kini seramai 12 institusi telah memohon untuk menawarkan program diploma kejururawatan.

"Syarat kelayakan dimasukkan juga dilonggarkan untuk tempoh dua tahun bermula Januari 2025 hingga Disember 2026, dengan hanya memerlukan minimum tiga kredit SPM,



DZULKEFLY AHMAD

namun subjek Bahasa Melayu, Matematik dan Sains masih diwajibkan bagi menjamin kualiti graduan.

"Bagi sektor swasta pula, kerajaan telah membenarkan pengambilan jururawat terlatih warga asing (JTWA) sebagai langkah interim dengan syarat ketat termasuk kelulusan pemeriksaan Lembaga Jururawat Malaysia (LJM) dan tidak melebihi 40 peratus tenaga kerja tempatan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sebelum ini, Pengarang Kumpulan Media Mulia Sdn. Bhd., Mohamad Azlan Jaafar menerusi Minda Pengarangnya membangkit pelbagai isu melibatkan KKM antara-

nya kekurangan jururawat, masalah pembatalan pemilihan penempatan 2,245 Pegawai Perubatan Gred UD10 dan Garis Panduan Pengurusan Buli di Tempat Kerja Bagi Anggota KKM

Dalam pada itu, KKM menjelaskan bahawa Elaun Tugas Atas Panggilan (ETAP) tidak dapat dilaksanakan ketika ini disebabkan kekangan kekurangan petugas serta kekangan kewangan semasa.

Namun, Dr. Dzulkefly mengarahkan Ketua Pengarah Kesihatan untuk terus memperjuangkan pelaksanaan elaun tersebut agar dapat dimanfaatkan oleh petugas kesihatan yang layak pada masa depan.

Bagi menangani isu buli di tempat kerja, KKM akan melancarkan Garis Panduan Pengurusan Buli secara rasmi Oktober ini sempena Bulan Kesihatan Mental-Sedunia dan akan diedarkan ke semua fasiliti kesihatan.

Sementara itu, beliau turut memaklumkan bahawa proses penempatan Pegawai Perubatan Gred UD10 melalui sistem e-Penempatan yang ditambah baik kini berjalan lancar selepas ditangguhkan Februari lalu.

"Sebanyak 2,248 pegawai perubatan telah berjaya membuat semakan penempatan pada 8 Julai lalu, manakala tempoh rayuan dibuka sehingga 14 Julai sebelum keputusan diumumkan pada 19 Ogos 2025.

"Sistem itu tidak mungkin memuaskan semua pihak, namun KKM komited melakukan penambahbaikan secara berterusan agar lebih telus dan adil kepada calon terlibat," katanya.

Mengulas pencapaian separuh pertama tahun ini, Dr. Dzulkefly berkata, antara kejayaan utama adalah pemindaan Akta Perubatan 1971 dan penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok 2024.

Katanya, KKM juga telah memulakan transformasi pembiayaan kesihatan menerusi pelaksanaan inisiatif RESET serta langkah pendigitalan sistem.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Kerajaan iktiraf dedikasi petugas kesihatan

Pengecualian waktu kerja syif lima skim disambut baik

PUTRAJAYA

Pengecualian waktu kerja syif bagi lima skim perkhidmatan kritikal di bawah Kementerian Kesihatan (KKM) merupakan pengiktirafan terhadap dedikasi dan semangat petugas kesihatan dalam membantu pesakit.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad merakamkan penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim atas pengumuman pengecualian waktu bekerja syif kepada 82,637 petugas kesihatan.

Dalam satu kenyataan beliau berkata, keputusan itu merupakan bukti komitmen Kerajaan Madani dalam memahami serta menghargai pengorbanan petugas kesihatan dari aspek fizikal, mental dan emosi.

"KKM menyambut baik keputusan mengekalkan waktu kerja semasa iaitu 42 jam seminggu bagi lima skim perkhidmatan kritikal di bawah kementerian ini.

"Ia satu bentuk pengiktirafan terhadap dedikasi dan semangat petugas kesihatan yang membantu pesakit yang bertarung nyawa setiap hari dan masa," katanya.

Dr Dzulkefly berkata, keputusan itu adalah hasil kolaborasi menyeluruh pelbagai pihak, khususnya

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), kesatuan dan persatuan berkaitan, Bahagian Kejururawatan serta Bahagian Sumber Manusia KKM.

"Ini membuktikan semangat berpasukan dan pendekatan *whole-of-nation* mampu menghasilkan penyelesaian terbaik untuk rakyat. KKM akan terus berusaha membawa lebih banyak perubahan positif.

"Dengan izin ALLAH SWT, semoga lebih banyak berita baik dapat diumumkan untuk KKM, selari dengan strategi reformasi kesihatan yang dirancang," katanya.

Pada Jumaat, kerajaan bersetuju memberikan pengecualian terhadap pelaksanaan waktu bekerja syif 45 jam seminggu kepada lima skim perkhidmatan kritikal KKM, dengan mengekalkan waktu bekerja kepada 42 jam seminggu.

Pengecualian itu melibatkan 82,637 petugas barisan hadapan merangkumi jururawat, jururawat masyarakat, pegawai perubatan di Jabatan Kecemasan, penolong pegawai perubatan serta pembantu perawat kesihatan.

JPA sebelum ini memaklumkan keputusan tersebut dibuat setelah mengambil kira kebimbangan yang dibangkitkan oleh para petugas kesihatan terhadap pelaksanaan waktu bekerja 45 jam seminggu di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Sementara itu, Presiden Kesatuan

Jururawat Malaya (MNU), Saaidah Athman berkata, keputusan kerajaan itu diyakini mampu meningkatkan semangat dan motivasi mereka untuk terus memberikan khidmat terbaik kepada rakyat.

Beliau berkata, pihaknya menyambut baik langkah tersebut dan menyifatkannya sebagai manifestasi keprihatinan kepimpinan negara terhadap kebajikan penjawat awam dalam sektor kesihatan.

"Saya mewakili seluruh ahli MNU merakamkan jutaan terima kasih kepada Perdana Menteri, Ketua Setiausaha

Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Menteri Kesihatan atas keputusan ini," ujar beliau.

Menurut Saaidah, MNU telah membangkitkan kebimbangan mengenai isu waktu kerja 45 jam sejak November tahun lalu menerusi pelbagai sesi perundingan dengan KKM termasuk pertemuan bersama Dr Dzulkefly.

"Kami telah menyampaikan semua pandangan dan harapan ahli bagi memastikan keputusan terbaik dapat dicapai," katanya.

Sebagai langkah seterusnya, beliau mencadangkan kerajaan mengkaji semula struktur gaji dan elaun petugas kesihatan serta mempertimbangkan penambahan jawatan kritikal bagi memperkukuh sistem perkhidmatan kesihatan negara.

- Bernama



DR DZULKEFLY

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

'Komited kekal doktor tetapi tiada kuasa halang mereka'

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan (KKM) mengulangi komitmennya untuk memastikan doktor dan petugas kesihatan terus berkhidmat dalam Malaysia meskipun tidak mempunyai kuasa perundangan bagi menghalang mereka daripada menerima tawaran kerja di luar negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, kementerian sedang melaksanakan pelbagai langkah untuk memastikan petugas kesihatan kekal berkhidmat dalam sistem kesihatan awam negara termasuk mempercepat proses lantikan jawatan tetap bagi doktor kontrak.

"Kita memang tidak ada halangan (terhadap) perekrutan rentas sempadan dan sebagainya, tambahan lagi ia adalah hak individu... ini juga sejajar dengan Perjanjian Pengiktirafan Bersama (MRA) dan Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Perkhidmatan (AFAS).

"Di bawah perjanjian ini, pengambilan tenaga kerja antara negara ASEAN adalah dibenarkan dan telah dipersetujui bersama namun pastinya kita mahukan doktor kita, pakar kita malah jururawat kita yang memiliki latihan asas lanjutan untuk kekal bersama kita," katanya pada Program Gotong-Royong Mega Perangi Aedes 1.0 Peringkat Kebangsaan sempena Hari Denggi ASEAN 2025 di sini pada Sabtu.

Beliau mengulas laporan tular di media sosial yang mendakwa hospital di Singapura kini giat menarik petugas kesihatan awam Malaysia terutama doktor untuk berkhidmat di republik itu dengan tawaran gaji lumayan.

Difahamkan sesi temu duga secara langsung dengan doktor dan pengamal perubatan akan diadakan di sebuah hotel di sini bulan depan.

Dr Dzulkefly juga berkata, KKM kini dalam proses mempercepat peralihan lantikan jawatan doktor secara kontrak kepada tetap mengambil kira keperluan kritikal pengamal perubatan di negara ini.

"Kita tidak akan lengahkan, percepatkan proses serapkan petugas kontrak kepada jawatan tetap. Sejurus kita ada kekosongan," katanya.

Beliau berkata, sistem doktor kontrak diwujudkan sebelum ini bagi menangani lonjakan graduan perubatan yang menamatkan pengajian dan kekurangan jawatan tetap dalam tempoh sedekad yang lepas. - *Bernama*

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA



PEKERJA kesihatan di bawah KKM akan kekal bekerja selama 42 jam seminggu seperti sebelum ini. - GAMBAR HIASAN

Petugas kesihatan kekal kerja 42 jam seminggu

PETALING JAYA – Kongres Kesatuan Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) sambut baik keprihatinan kerajaan mengekalkan waktu kerja syif 42 jam seminggu untuk 82,637 petugas kesihatan di bawah lima skim perkhidmatan kritikal Kementerian Kesihatan KKM.

Presiden Cuepacs, Datuk Dr. Adnan Mat berkata, langkah itu membuktikan kerajaan mendengar dan memahami kebimbangan petugas kesihatan yang sentiasa bertugas di barisan ha-

dapan tanpa mengira masa.

"Keputusan mengecualikan lima skim kritikal daripada waktu bekerja 45 jam seminggu adalah tindakan penuh hikmah dan selari dengan semangat Malaysia Madani yang mengutamakan nilai ihsan, kebajikan dan kesejahteraan penjawat awam.

"Kami (Cuepacs) percaya pengekalan waktu bekerja 42 jam ini penting untuk menjaga kesihatan petugas dan memastikan kualiti perkhidmatan awam kekal pada tahap terbaik," kata-


nya dalam satu kenyataan.

Tambah Adnan, beliau berterima kasih kepada kerajaan kerana terus memberi ruang kepada rundingan dan suara kesatuan dalam buat keputusan dasar.

"Kami di Cuepacs akan terus komited memperjuangkan kebajikan penjawat awam selaras dengan aspirasi negara," katanya.

Terdahulu, Jabatan Perkhidmatan Awam memaklumkan kerajaan bersetuju memberi pengecualian terhadap pelaksanaan waktu bekerja syif 45 jam seminggu.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA



KULAT psilocybin ialah sejenis kulat halusinogen yang sering ditemui di Bali, Indonesia. - PHM

Air ajaib mungkin mengandungi 'magic mushroom', berbahaya

Oleh FARISYA AKHTAR

PETALING JAYA - Sejenis minuman yang dikaitkan dengan sebuah program motivasi rumah tangga berkemungkinan mengandungi bahan psikoaktif seperti 'magic mushroom' (kulat psilocybin) iaitu sejenis kulat halusinogen.

Menurut Public Health Malaysia (PHM), ramai peserta mendakwa mereka menjadi terlalu berani meluahkan rahsia peribadi secara tiba-tiba, malah merasakan pengalaman spiritual yang luar biasa.

Katanya, penggunaan 'magic

mushroom' boleh memberi kesan sampingan kepada pengguna.

Antara kesannya ialah emosi tidak stabil daripada ketawa melampau kepada tangisan tanpa sebab, bertindak di luar kawalan dan halusinasi visual serta bunyi.

"Selain itu, seseorang itu juga boleh mendapat risiko 'bad trip' iaitu contohnya sukar untuk melupakan pengalaman ngeri.

"Akhir sekali, mereka ini berisiko tinggi untuk beri kesan jangka panjang kepada kesihatan mental," katanya menerusi satu hantaran di Facebook semalam.

Menurut PHM, beberapa kajian melaporkan peningkatan rasa

keghairahan, kepekaan tubuh, dan lonjakan hormon seperti dopamin serta serotonin selepas pengambilan.

"Ini membuat seseorang lebih gembira, yakin, dan cenderung berpelukan, menyentuh atau bertindak secara impulsif.

"Dalam keadaan tertentu, ini boleh menyebabkan situasi yang memalukan atau berbahaya," katanya.

PHM meminta orang ramai supaya lebih berhati-hati dengan sebarang pengambilan air demi menjaga keharmonian negara dan bukan semua air ajaib membawa kebaikan.